



GARIS PANDUAN PENANAMAN POKOK DI TAMAN PERUMAHAN DAN PUSAT PERNIAGAAN

1.0 Tujuan

1.1 Setiap Permohonan Pelan Landskap yang dikemukakan oleh pihak perunding bagi pembangunan perumahan dan pusat perniagaan baru, MPAG telah mensyaratkan pihak perunding perlu menghantar Pelan Landskap yang mengandungi rekabentuk landskap kejur dan lembut serta maklumat terperinci spesis pokok yang dicadangkan. Pelan landskap yang dikemukakan oleh pihak perunding akan dibawa ke dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC untuk dipertimbangkan bagi kelulusan.

1.2 Kelulusan Pelan Landskap dikawal bagi mengelakkan isu berbangkit berkaitan spesis pokok tidak sesuai ditanam di dalam sesuatu pembangunan. Antara isu-isu yang berulang adalah seperti berikut :

i) Spesis pokok yang di tanam mempunyai akar besar yang merosakan struktur binaan dan jalan.

ii) Ketidakpuasan pemilik rumah apabila daun/bunga kerap gugur menyebabkan pemilik rumah membersihkan bumbung dan menanggung kerugian hartabenda yang rosak seperti kereta, pagar dan lain-lain apabila dahan-dahan yang memasuki kawasan

patah semasa hujan.

iii) Penanaman spesies pokok yang tidak sesuai dengan fungsi ruang tanaman kerana tidak mengambil kira skala dan tahap pertumbuhan pokok.

iv) Penanaman pokok yang melibatkan kos penyelenggaraan yang tinggi.

1.3 Cadangan Garis Panduan Penanaman Pokok Di Taman Perumahan Dan Pusat Perniagaan adalah seperti berikut :

Kawasan Penanaman di Pintu Masuk Utama Dan Pinggir Jalan

Kriteria pokok:

i) Memilih pokok yang mempunyai ciri-ciri yang unik bagi mewujudkan "sense of welcoming".

ii) Mengambil kira skala dan tahap pertumbuhan pokok supaya tidak merosakkan laluan jalan raya dan utiliti yang berdekatan.

iii) Jarak Penanaman pokok utama mestilah 10m minimum dari tiang lampu jalan.

iv) Tidak dibenarkan menanam pokok di bawah lampu jalan.

v) Tidak dibenarkan menanam pokok yang menghalang pandangan pemandu kenderaan di setiap persimpangan jalan utama., bulatan jalan dan "traffic island"

vi) Pokok yang ditanam mestilah mempunyai clear trunk 3m dari aras tanah untuk keselamatan pejalan kaki dan pemandu kenderaan.

vii) Tidak dibenarkan menanam pokok yang boleh menghalang papan tanda taman/ pusat perniagaan

Cadangan Spesis pokok :

Pokok Utama :

Nama Botani	Nama Tempatan
Caesalpinia ferrea	Leopard tree
Cassia fistula	Raja Kayu
Cinnamomum iners	Kayu Manis
Mimusop elengi	Tanjong
Phyllanthus emblica	Pokok Melaka
Largerstroemia rosea	Bungor
Tecoma stans	Trumpet tree
Plumeria spp.	Kemboja
Garcinia subelliptica	Happiness tree

Cassia fistula	Golden chain
----------------	--------------

Pokok Palma:

Nama Botani	Nama Tempatan
Wodyetia bifurcata	Foxtail palm
Veitchia merrillii	Palma Manila
Ptychosperma macarthurii	Palma mac Arthur
Areca catechu	Pinang makan
Dypsis leptocheilos	Redneck palm
Livistonia spp.	Serdang

Kawasan Penanaman di Hadapan Rumah dan Pusat Perniagaan

Kriteria pokok :

- i) Pokok yang mempunyai akar yang tidak merosakan struktur binaan dan jalan.
- ii) Menekankan aspek keselamatan pengguna terutama kanak-kanak. Pokok berduri, beracun dan berdahan rapuh dilarang sama sekali.
- viii) Mengambil kira skala dan tahap pertumbuhan pokok supaya tidak merosakkan laluan jalan raya dan utiliti yang berdekatan.

ix) Spesis pokok yang tidak melibatkan kos penyelenggaraan yang tinggi.

x) Jarak Penanaman di hadapan rumah bergantung kepada penyediaan 'island' bagi setiap jenis rumah yang dibina.

xi) Tidak dibenarkan menanam pokok di hadapan rumah yang mempunyai tiang lampu, saluran pembentungan dan lain-lain utiliti berkaitan.

xii) Tidak dibenarkan menanam pokok di hadapan ruang kaki lima kawasan pusat perniagaan

Cadangan Spesis pokok :

Pokok Utama :

Nama Botani	Nama Tempatan
Caesalpinia ferrea	Leopard tree
Cassia fistula	Raja Kayu
Cinnamomum iners	Kayu Manis
Mimusop elengi	Tanjong
Phyllanthus emblica	Pokok Melaka
Michelia champaca	Cempaka kuning
Largerstroemia rosea	Bungor
Tecoma stans	Trumpet tree
Plumeria spp.	Kemboja
Garcinia subelliptica	Happiness tree

Cassia fistula	Golden chain
Jacaranda filicifolia	Jacaranda

Pokok Palma:

Nama Botani	Nama Tempatan
Wodyetia bifurcata	Foxtail palm
Veitchia merrillii	Palma Manila
Ptychosperma macarthurii	Palma mac Arthur
Areca catechu	Pinang makan
Dypsis leptocheilos	Redneck palm
Livictonia spp.	Serdang

Pokok Renek :

Nama Botani	Nama Tempatan
Bougainvilla spp	Bunga Kertas
Ehretia microphaylla	Tea tree
Tabernaemontata divaricata	Bunga Susun Kelapa
Loropetalum chinensis	Chinese fringe flower
Leuchophyllum frutescens	Texas sage
Alamanda cathartica	Allamanda
Ixora spp.	Siantan
Ruellia spp.	Ruellia
Mussaenda spp.	Janda merana
Murraya paniculata	Orange Jessamine
Ficus gold	Ara kuning

Kawasan penanaman di kawasan lapang dan primeter pembangunan

Kriteria pokok :

- i) Pokok yang mempunyai pembukaan silara yang besar dan berbunga untuk memberikan teduhan dan menonjolkan keindahan.

- i) Jarak penanaman di kawasan lapang adalah bergantung kepada rekabentuk landskap taman, jenis pokok dan fungsi penanaman. Digalakkan penanaman secara bebas untuk mewujudkan keadaan semula jadi.
- ii) Digalakkan menanam pokok yang dapat menarik kehidupan liar kecil seperti burung, tupai dan rama-rama.

- iii) Keutamaan pemilihan pokok dari jenis yang mudah diselenggarakan.

- iv) Jarak penanaman pokok utama mestilah 3 meter minimum daripada longkang / utiliti / landskap kejur/ alatan permainan dan alatan senaman yang dicadangkan di kawasan lapang

- v) Spesis pokok yang mempunyai sistem akar yang membantu mengurangkan dan mengelakkan hakisan tanah.

vi) Menekankan aspek keselamatan pengguna terutama kanak-kanak. Pokok berduri, beracun dan berdahan rapuh dilarang sama sekali.

vii) Mengalakkan penanaman spesis pokok yang menyerap karbon yang tinggi.

Cadangan Spesis pokok :

Pokok Utama :

Nama Botani	Nama Tempatan
Caesalpinia ferrea	Leopard tree
Cassia fistula	Raja Kayu
Cinnamomum iners	Kayu Manis
Mimusop elengi	Tanjong
Phyllanthus emblica	Pokok Melaka
Filicium decipiens	Kiara Payung
Largerstroemia rosea	Bungor
Tecoma stans	Trumpet tree
Plumeria spp.	Kemboja
Garcinia subelliptica	Happiness tree
Cassia fistula	Golden chain
Jacaranda filicifolia	Jacaranda

Pokok Palma:

Nama Botani	Nama Tempatan
<i>Wodyetia bifurcata</i>	Foxtail palm
<i>Veitchia merrillii</i>	Palma Manila
<i>Ptychosperma macarthurii</i>	Palma mac Arthur
<i>Areca catechu</i>	Pinang makan
<i>Dypsis leptocheilos</i>	Redneck palm
<i>Livictonia</i> spp.	Serdang

Pokok Renek :

Nama Botani	Nama Tempatan
<i>Bougainvillea</i> spp	Bunga Kertas
<i>Ehretia microphaylla</i>	Tea tree
<i>Tabernaemontana divaricata</i>	Bunga Susun Kelapa
<i>Loropetalum chinensis</i>	Chinese fringe flower
<i>Leuchophyllum frutescens</i>	Texas sage
<i>Allamanda cathartica</i>	Allamanda
<i>Ixora</i> spp.	Siantan
<i>Ruellia</i> spp.	Ruellia
<i>Mussaenda</i> spp.	Janda merana
<i>Murraya paniculata</i>	Orange Jessamine
<i>Ficus gold</i>	Ara kuning

1.6 Cadangan spesies pokok yang tidak dibenarkan

Antara spesies pokok yang tidak dibenarkan di tanam di kawasan Perumahan, Kawasan Perniagaan adalah seperti berikut :

Nama Botani	Nama Tempatan
<i>Khaya senegalensis</i>	Mahogani
<i>Samanea saman</i>	Hujan-hujan
<i>Delonix regia</i>	Semarak api
<i>Hura creptans</i>	Payung Indonesia
<i>Pterocarpus indicus</i>	Angsana
<i>Spathodea campanulata</i>	African Tulip Tree
<i>Swietenia macrophylla</i>	Back leaf Mahogany
Semua Jenis Pokok Buah-Buahan	-